



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KOMITMEN MALAYSIA UNTUK MEMPERKUKUH EKOSISTEM SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI OLEH PEMENANG NOBEL

KUALA LUMPUR, 24 JUN 2024 – Malaysia, menerusi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), meletakkan sasaran untuk melahirkan Pemenang Anugerah Nobel melalui komitmen dan usaha berterusan dalam memperkukuh ekosistem sains, teknologi dan inovasi (STI) negara. Menteri MOSTI, YB Tuan Chang Lih Kang menegaskan dedikasi Malaysia dalam memupuk persekitaran yang kukuh dan dinamik bagi kemajuan saintifik.

“Harapan MOSTI adalah supaya Malaysia mempunyai Pemenang Anugerah Nobel yang dapat menjadi sebuah bukti terhadap usaha dan komitmen yang tinggi dalam memberi inspirasi dalam memperkukuh ekosistem sains, teknologi dan inovasi Malaysia. MOSTI berdedikasi untuk mewujudkan persekitaran dimana penyelidikan dan inovasi yang berinovatif dapat berkembang maju, justeru meletakkan Malaysia sebagai peneraju global dalam bidang STI,” kata YB Tuan Chang Lih Kang pada ucapan pembukaan beliau di Syarahan Pemenang Anugerah Nobel oleh Sir Paul Nurse.

Ketika ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), menerusi universiti-universiti tempatan, sedang melaksanakan inisiatif dalam memupuk pemikiran Pemenang Anugerah Nobel, berpandukan laporan kajian yang bertajuk *“Achieving Excellence in Science - the Nobel Path,”* yang disediakan berdasarkan pengalaman dan pelaksanaan program ini. Dalam usaha lain, Malaysia, menerusi ASM, telah melaksanakan beberapa program seperti penganjuran syarahan, perbincangan saintifik dan sesi motivasi sains oleh Pemenang Anugerah Nobel sejak tahun 1999 hingga 2009.

Selain itu, sejak tahun 2004, Malaysia juga menerusi ASM telah menghantar 84 saintis muda untuk menyertai Mesyuarat Nobel Laureate Lindau. Setiap tahun Pemenang Nobel dari seluruh dunia berkumpul di Lindau, Jerman untuk membentangkan

penemuan penyelidikan dan berkongsi pengalaman mereka bersama saintis muda terpilih dari negara-negara lain yang turut serta. Saintis muda yang terpilih berpeluang untuk menghadiri syarahan, berbincang, dan berbual santai bersama Pemenang Anugerah Nobel mengikut tema khas pada tahun tersebut. Sesi *Laureate Lunch* menawarkan pertemuan secara lebih dekat dan peribadi bersama Pemenang Anugerah Nobel yang sudi berkongsi pengalaman dan cabaran mereka semasa menjalankan penyelidikan. Ini merupakan saat-saat berharga yang memberikan inspirasi kepada para saintis muda yang ingin berkolaborasi dan seterusnya membina rangkaian dengan rakan peserta dalam bidang penyelidikan berkaitan.

Presiden ASM, Academician Datuk Dr Tengku Mohd Azzman Shariffadeen FASc berkata, "Program Nobel Laureate Kebangsaan telah meningkatkan kesedaran mengenai Anugerah Nobel di Malaysia. Ia membangunkan dan meningkatkan keterlihatan saintis Malaysia yang berkaliber tinggi, dimana sebahagian daripada mereka telah menjadi ahli pasukan penyelidikan pemenang Anugerah Nobel. Sebagai contoh, kerjasama antara Universiti Sains Malaysia (USM) dan *Solid-State Lighting and Energy Electron Center* di University of California, Santa Barbara (UCSB), di bawah seliaan Profesor Herbert Kroemer, Pemenang Anugerah Nobel, untuk projek *GaN-on-GaN Invention and Development of Blue Light Emitting Diodes (LEDs)*".

Ketua Pegawai Eksekutif Institut Bioteknologi Kebangsaan Malaysia (NIBM), YBhg Profesor Datuk Wira Dr Raha Abdul Rahim FASc berkata, "Kemunculan Bioteknologi memainkan peranan yang sangat penting sebagai salah satu tonggak untuk menjana kesihatan dan kemakmuran, disokong kuat oleh asas-asas sains seperti yang telah ditunjukkan oleh program Nobel. MOSTI juga menyokong inisiatif bioteknologi melalui NIBM dan menyediakan geran penyelidikan dalam bidang Perubatan & Kesihatan, Alam Sekitar, Biodiversiti, Air & Makanan, dan Pertanian & Perhutanan."

ASM bersama NIBM telah menganjurkan Syarahan Nobel Laureate oleh Sir Paul Nurse, penerima Anugerah Nobel 2001 dalam Fisiologi dan Perubatan untuk penemuan pengawal kitaran sel utama. Syarahan yang bertajuk "*What is Life?*" membincangkan lima idea utama biologi, daripada 'Sel' kepada 'Logik Kehidupan'. Sir Paul Nurse merupakan ahli genetik dan biologi sel yang mengkaji bagaimana kitaran sel eukariotik dikawal. Fokus utamanya adalah pada protein kinase yang bergantung kepada cyclin dan bagaimana ia mengawal pembiakan sel. Beliau berkongsi Anugerah Nobel 2001 dalam Fisiologi dan Perubatan dan telah menerima Anugerah Albert Lasker, Anugerah Gairdner, Anugerah Louis Jeantet dan Pingat Royal Society's Royal and Copley. Pada tahun 2020, beliau menulis buku "*What is Life?*" yang telah diterbitkan di 22 buah negara. Syarahan oleh Sir Paul ini merupakan Syarahan Nobel Laureate ke-25 yang diadakan di Malaysia.

#TAMAT#

Siaran Media bersama diterbitkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
AKADEMI SAINS MALAYSIA
INSTITUT BIOTEKNOLOGI KEBANGSAAN MALAYSIA

24 Jun 2024

Kit Media: <https://bit.ly/NobelLaureateTalk>

Pertanyaan Media:

Siti Sarah binti Abd Rahman
siti.sarah@akademisains.gov.my
(+6011 1142 5446)

Hafizah Husin
hafizah.husin@nibm.my
(+6014 7209 698)